

## ***PANDUAN MAJLIS KONVOKESYEN KE-16 UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU***

**MAJLIS KONVOKESYEN KE-16 UMT AKAN DIADAKAN SEPERTIMANA DI BAWAH :-**

**TARIKH : 11 HINGGA 13 NOVEMBER 2018 (AHAD HINGGA SELASA)**  
**TEMPAT : DEWAN SULTAN MIZAN, UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**

Tahniah kepada semua graduan yang telah berjaya menamatkan pengajian di Universiti Malaysia Terengganu. Sukacita diingatkan supaya semua graduan untuk mengikuti langkah-langkah dalam panduan berikut sebagai persediaan sebelum proses pengambilan pakaian akademik yang akan bermula pada **8 November 2018**.

1. Membuat pendaftaran pengambilan pakaian akademik secara atas talian di **Laman Web Konvokesyen 2018** (bermula pada 28 Oktober 2018)
2. Mengisi Borang Kajian Pengesanan Graduan secara atas talian di **Laman Web Konvokesyen 2018** (bermula 28 Oktober 2018)
3. Membuat pengesahan kehadiran secara atas talian di **Laman Web Konvokesyen 2018** (bermula 28 Oktober 2018)

**SEBARANG PERTANYAAN SILA HUBUNGI :**

URUS SETIA MAJLIS KONVOKESYEN  
JABATAN PENGURUSAN AKADEMIK  
UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU  
TEL: 09-668 4219/4532/4925/4536  
FAKS : 09-668 4143  
EMEL : [akademik@umt.edu.my](mailto:akademik@umt.edu.my)

## MAKLUMAT UMUM

### A. Semakan Tarikh-Tarikh Penting

| Tarikh  | Masa   | Aktiviti  |
|---|--|---|
| 28 Okt 2018 – 10 Nov 2018   | -  | Pendaftaran pengambilan pakaian akademik melalui portal MyNemo<br><br><i>(** Nota : Pelajar yang berhutang tidak dibenarkan mengambil bahagian dalam majlis konvokesyen)</i>  |
| 28 Okt 2018 – 10 Nov 2018   | -  | Pengesahan kehadiran konvokesyen melalui portal MyNemo  |
| 28 Okt 2018 – 31 Dis 2018   | -  | Pengisian kajian pengesanan graduan pada laman web <a href="http://graduan.moe.gov.my/v/">http://graduan.moe.gov.my/v/</a><br><br><i>(Nota : Graduan diminta untuk mengisi Kajian Pengesanan Graduan dan mencetak slip Pengesanan Kajian sebagai bukti. Slip ini perlu dibawa semasa urusan pengambilan pakaian akademik)</i> |
| 8 – 10 November 2018<br><br>(Khamis)<br><br>(Jumaat)<br><br>(Sabtu)   | 9.00 pagi - 12.30 tengah hari<br>2.30 petang – 5.00 petang<br><br>9.00 pagi - 12.00 tengah hari<br>2.30 petang - 5.00 petang<br><br>9.00 pagi - 12.30 tengah hari<br>2.30 petang - 5.00 petang                                 | Pengambilan Pakaian Akademik :<br><br>a) Pascasiswazah<br>- Kompleks Kuliah Pusat, UMT<br><br>b) Prasiswazah<br>- Dewan Sultan Mizan, UMT   |
| 10 November 2018<br>(Sabtu)   | 9.00 pagi -11.00 pagi  | Taklimat dan Raptai graduan di Dewan Sultan Mizan, UMT  |
| 11 – 13 November 2018<br>(Ahad hingga Selasa)   | 8.00 pagi – 5.30 petang  | Majlis Konvokesyen Ke-16 di Dewan Sultan Mizan, UMT   |
| 11 November 2018 (Ahad)<br><br>12-13 November 2018<br>(Isnin hingga Selasa)<br><br>14 – 15 November 2018<br>(Rabu hingga Khamis)<br><br>16 – 17 November 2018<br>(Jumaat dan Sabtu) | 2.45 petang – 6.00 petang<br><br>10.00 pagi–12.00 tengah hari<br>2.45 petang – 6.00 petang<br><br>9.00 pagi – 12.30 tengah hari<br>2.30 petang - 4.30 petang<br><br>9.00 pagi - 12.00 tengah hari<br>2.30 petang - 4.30 petang | Pemulangan Pakaian Akademik di Dewan Sultan Mizan, UMT  |
| Bermula 18 November 2018  | 8.30 pagi – 1.00 tengah hari<br>2.30 petang – 4.30 petang<br><i>(Hari bekerja sahaja)</i>  | Pemulangan Pakaian Akademik di Jabatan Pengurusan Akademik (Denda akan dikenakan untuk pemulangan lewat ini)  |

**\*\* Mengikut Surat Pekeliling Bendahari Bil. 5 Tahun 2018, sekatan daripada mengambil bahagian dalam majlis konvokesyen akan dikenakan kepada pelajar yang mempunyai tunggakan yuran pengajian.**

## **B. Pakaian Graduan**

Graduan yang hadir ke Majlis Konvokesyen hendaklah berpakaian kemas dan mematuhi peraturan berpakaian yang ditetapkan seperti berikut:

### Graduan Lelaki:-

- *Lounge Suit:*
  - Kemeja lengan panjang dan bertali leher
  - Seluar panjang berwarna gelap
  - Kot (*blazer*) berwarna gelap
  - Stoking dan kasut formal/bertutup berwarna gelap

atau;

- Baju Melayu:
  - Baju Melayu cekak musang berwarna hitam
  - Bersamping
  - Berbutang lengkap
  - Stoking dan kasut formal/bertutup berwarna gelap

dan;

- Pakaian Akademik (Sarjana Muda/Diploma : Jubah dan *Mortar Board*)
- Pakaian Akademik (Doktor Falsafah/Sarjana : Jubah, *Beef Eater/Mortar Board dan Hood*)

### Graduan Wanita:-

- Pakaian Kebangsaan; atau
- *Skirt* labuh hingga ke buku lali dan kemeja lengan panjang
- Kasut hendaklah bertutup penuh

dan;

- Pakaian Akademik (Sarjana Muda/Diploma : Jubah dan *Mortar board*)
- Pakaian Akademik (Doktor Falsafah/Sarjana : Jubah, *Beef eater/Mortar board dan Hood*)

### Perhatian:

**Graduan yang gagal mematuhi peraturan pakaian boleh ditahan daripada memasuki dewan.**

### **C. Kad Jemputan Tetamu Graduan**

Kad jemputan akan diedarkan semasa pengambilan pakaian akademik. **Satu (1) kad jemputan** adalah untuk **dua (2) orang** tetamu.

### **D. Kad Panggilan Nama Graduan**

Setiap graduan turut akan diberikan satu (1) keping **Kad Panggilan Nama Graduan** semasa sesi pengambilan pakaian akademik. Kad berkenaan perlu dibawa bersama semasa Majlis Konvokesyen. Kad ini digunakan untuk panggilan nama graduan dan paparan nama di skrin dalam dewan. **Kegagalan graduan membawa kad berkenaan boleh menimbulkan kesulitan untuk graduan naik ke pentas.**

### **E. Peraturan Memasuki Dewan Bagi Tetamu Graduan**

- Berpakaian kemas dan sopan
- Kanak-kanak di bawah umur 12 tahun tidak dibenarkan masuk
- Jemputan perlu mengambil tempat mengikut masa yang ditetapkan dalam atur cara majlis

**SESI PENGIJAZAHAN BAGI MAJLIS KONVOKESYEN KE-16 UMT 2018**

**SESI 1 : 11 NOVEMBER 2018 (AHAD)  
7.30 PAGI (Perarakan bermula pada jam 8.00 pagi)**

| <b>Bil.</b> | <b>Program</b>                                   | <b>Pusat Pengajian</b>                    |
|-------------|--|---|
| 1.          | Doktor Falsafah (Struktur Penyelidikan)          | Semua Pusat Pengajian/Pendidikan/Institut |
| 2.          | Sarjana Sains (Struktur Penyelidikan)            | Semua Pusat Pengajian/Pendidikan/Institut |
| 3.          | Sarjana Sains (Akuakultur)                       | PPSPA                                     |
| 4.          | Sarjana Sains Perikanan Tropika                  | PPSPA                                     |
| 5.          | Sarjana Pengurusan (Zon Pantai Bersepadu)        | PPPPM                                     |
| 6.          | Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA)             | PPPPM                                     |
| 7.          | Sarjana Kaunseling                               | PPPSE                                     |
| 8.          | Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Sains Tanaman) | PPSTM                                     |

**SESI 2 : 11 NOVEMBER 2018 (AHAD)  
1.45 PETANG (Perarakan bermula pada 2.00 petang)**

| <b>Bil.</b> | <b>Program</b>  | <b>Pusat Pengajian</b> |
|-------------|---|------------------------|
| 1.          | Sarjana Muda Teknologi (Alam Sekitar)                           | PPKK                   |
| 2.          | Sarjana Muda Sains Gunaan (Fizik Elektronik dan Instrumentasi)  | PPKK                   |
| 3.          | Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Maritim)                   | PPKK                   |
| 4.          | Sarjana Muda Sains (Sains Nautika dan Pengangkutan Maritim)     | PPKK                   |
| 5.          | Sarjana Muda Sains Makanan (Perkhidmatan Makanan dan Pemakanan) | PPSTM                  |
| 6.          | Sarjana Muda Sains Makanan (Teknologi Makanan)                  | PPSTM                  |
| 7.          | Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Teknologi Lepas Tuai)         | PPSTM                  |

**SESI 3 : 12 NOVEMBER 2018 (ISNIN)  
7.30 PAGI (Perarakan bermula pada jam 8.00 pagi)**

| <b>Bil.</b> | <b>Program</b>  | <b>Pusat Pengajian</b> |
|-------------|---|------------------------|
| 1.          | Sarjana Muda Sains (Matematik Kewangan)               | PPIMG                  |
| 2.          | Sarjana Muda Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian)   | PPIMG                  |
| 3.          | Sarjana Muda Sains (Matematik Komputasi)              | PPIMG                  |
| 4.          | Sarjana Muda Sains Komputer dengan Informatik Maritim | PPIMG                  |
| 5.          | Sarjana Muda Sains (Sains Kimia)                      | PPSA                   |
| 6.          | Sarjana Muda Sains (Sains Biologi)                    | PPSA                   |

**SESI 4 : 12 NOVEMBER 2018 (ISNIN)  
1.45 PETANG (Perarakan bermula pada 2.00 petang)**

| <b>Bil.</b> | <b>Program</b>                        | <b>Pusat Pengajian</b> |
|-------------|---------------------------------------|------------------------|
| 1.          | Sarjana Muda Pengurusan (Pemasaran)   | PPPPM                  |
| 2.          | Sarjana Muda Perakaunan               | PPPPM                  |
| 3.          | Sarjana Muda Pengurusan (Maritim)     | PPPPM                  |
| 4.          | Sarjana Muda Pengurusan (Pelancongan) | PPPPM                  |

**SESI 5 : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)  
7.30 PAGI (Perarakan bermula pada jam 8.00 pagi)**

| <b>Bil.</b> | <b>Program</b>  | <b>Pusat Pengajian</b> |
|-------------|---|------------------------|
| <b>1.</b>   | <b>Sarjana Muda Sains Gunaan (Pemuliharaan dan Pengurusan Biodiversiti)</b> | <b>PPSMS</b>           |
| <b>2.</b>   | <b>Sarjana Muda Sains (Kimia Analisis dan Persekitaran)</b>                 | <b>PPSMS</b>           |
| <b>3.</b>   | <b>Sarjana Muda Sains (Sains Samudera)</b>                                  | <b>PPSMS</b>           |
| <b>4.</b>   | <b>Sarjana Muda Sains (Biologi Marin)</b>                                   | <b>PPSMS</b>           |
| <b>5.</b>   | <b>Sarjana Muda Sains Agroteknologi (Akuakultur)</b>                        | <b>PPSPA</b>           |
| <b>6.</b>   | <b>Sarjana Muda Sains Gunaan (Perikanan)</b>                                | <b>PPSPA</b>           |

**SESI 6 : 13 NOVEMBER 2018 (SELASA)  
1.45 PAGI (Perarakan bermula pada jam 2.00 petang)**

| <b>Bil.</b> | <b>Program</b>   | <b>Pusat Pengajian</b> |
|-------------|--|------------------------|
| <b>1.</b>   | <b>Sarjana Muda Pengurusan (Polisi dan Sekitaran Sosial)</b> | <b>PPPSE</b>           |
| <b>2.</b>   | <b>Sarjana Muda Ekonomi (Sumber Alam)</b>                    | <b>PPPSE</b>           |
| <b>3.</b>   | <b>Sarjana Muda Kaunseling</b>                               | <b>PPPSE</b>           |
| <b>4.</b>   | <b>Diploma Perikanan</b>                                     | <b>PPSPA</b>           |

Nota:

- PPIMG - Pusat Pengajian Informatik dan Matematik Gunaan
- PPKK - Pusat Pengajian Kejuruteraan Kelautan
- PPPPM - Pusat Pengajian Perniagaan dan Pengurusan Maritim
- PPPSE - Pusat Pengajian Pembangunan Sosial dan Ekonomi
- PPSA - Pusat Pengajian Sains Asas
- PPSMS - Pusat Pengajian Sains Marin dan Sekitaran
- PPSPA - Pusat Pengajian Sains Perikanan dan Akuakultur
- PPSTM - Pusat Pengajian Sains Teknologi Makanan

## **YURAN GRADUAN DAN ALUMNI**

- Semua graduan, sama ada menghadiri Majlis Konvokesyen atau tidak, hendaklah menjelaskan Yuran Graduan dan Alumni mengikut kadar berikut :-

### **Yuran Graduan**

|                                 |   |          |
|---------------------------------|---|----------|
| Graduan Diploma                 | : | RM60.00  |
| Graduan Ijazah Sarjana Muda     | : | RM100.00 |
| Graduan Sarjana/Doktor Falsafah | : | RM120.00 |

### **Yuran Alumni**

|                                     |   |         |
|-------------------------------------|---|---------|
| Graduan Diploma/Ijazah Sarjana Muda | : | RM50.00 |
|-------------------------------------|---|---------|


- Bayaran untuk Yuran Graduan dan Alumni perlu dibuat atas nama "**BENDAHARI UNIVERSITI MALAYSIA TERENGGANU**" melalui kaedah **JOM PAY** (Sila rujuk Panduan Bayaran Yuran Konvokesyen)
- Pastikan maklumat bayaran **dicetak** dan diserahkan di kaunter pengambilan pakaian akademik




## PAKAIAN AKADEMIK

### A. Maklumat Pakaian Akademik

1. Graduan Ijazah Lanjutan (Doktor Falsafah/Sarjana)
  - Pakaian Akademik berwarna *maroon*
  - *Beef Eater* berwarna *maroon* (Doktor Falsafah sahaja)
  - *Mortar Board* berwarna hitam (Sarjana sahaja)
  - *Hood* (berwarna merah)




*Pakaian Akademik Graduan Doktor Falsafah (PhD)*



*Pakaian Akademik Graduan Sarjana*

2. Graduan Ijazah Sarjana Muda


- Pakaian Akademik berwarna ungu
- *Mortar Board* berwarna hitam



*Pakaian Akademik Graduan Sarjana Muda*

3. Graduan Diploma

- Pakaian Akademik berwarna hitam
- *Mortar Board* berwarna hitam



*Pakaian Akademik Graduan Diploma*

## B. Pengambilan Pakaian Akademik

- Sila kemukakan perkara berikut semasa pengambilan pakaian akademik :-
  - ❖ Slip Pendaftaran Pengambilan Pakaian Akademik (cetak daripada portal MyNemo)
  - ❖ Slip bayaran yuran graduan dan alumni
  - ❖ Slip Pengesahan Kajian Pengesanan Graduan (cetak daripada capaian <http://graduan.moe.gov.my/v/>)

## C. Pengambilan Pakaian Akademik oleh Wakil

- Wakil adalah dibenarkan sekiranya graduan tidak dapat hadir untuk pengambilan pakaian akademik. Maklumat wakil hendaklah dinyatakan dalam sistem pengesahan kehadiran konvokesyen
- Graduan perlu memajukan slip berikut kepada wakil untuk diserahkan semasa pengambilan pakaian akademik:-
  - ❖ Slip pendaftaran pengambilan pakaian akademik
  - ❖ Slip bayaran yuran graduan/alumni
  - ❖ Slip pengesahan kajian pengesanan graduan
- Hanya wakil yang dinamakan sahaja boleh mengambil pakaian akademik bagi pihak graduan
- Wakil perlu menunjukkan kad pengenalan dan menyerahkan tiga (3) slip seperti di atas semasa pengambilan pakaian akademik
- Setiap wakil hanya dibenarkan untuk membuat pengambilan pakaian akademik maksimum bagi **3 graduan** sahaja

## D. Pemulangan Pakaian Akademik

- Sila kemukakan slip penghantaran pakaian akademik yang dicetak selepas membuat pendaftaran pengambilan pakaian akademik pada portal MyNemo
- Pakaian akademik hendaklah dikembalikan semula selewat-lewatnya pada **17 November 2018**
- Penalti akan dikenakan terhadap mereka yang lewat memulangkan pakaian akademik
  - ❖ **Denda** akan dikenakan sebanyak RM10.00 pada hari pertama dan ditambah RM5.00 setiap hari berikutnya (tertakluk pada hari bekerja sahaja). Bayaran denda lewat hendaklah dibuat melalui kaunter Pejabat Bendahari UMT dan resit bayaran perlu dikemukakan semasa pemulangan pakaian akademik di Jabatan Pengurusan Akademik

## E. Bayaran Ganti Rugi Kehilangan/Kerosakan Pakaian Akademik

| Tahap Pengajian     | Jubah (RM) | Mortar Board (RM) | Beef Eater (RM) | Hood (RM) |
|---------------------|------------|-------------------|-----------------|-----------|
| Diploma             | 400.00     | 65.00             | -               | -         |
| Ijazah Sarjana Muda | 465.00     | 65.00             | -               | -         |
| Ijazah Lanjutan     | 490.00     | 65.00             | 90.00           | 55.00     |

## JADUAL PENGAMBILAN DAN PEMULANGAN PAKAIAN AKADEMIK

### Jadual Pengambilan Pakaian Akademik

| Tarikh                      | Masa   | Tempat  |
|-----------------------------|--|---|
| 8 November 2018<br>(Khamis) | 9.00 pagi - 12.30 tengah hari<br>2.30 petang – 5.30 petang | a) Pascasiswazah:<br>- Kompleks Kuliah Pusat, UMT<br><br>b) Prasiswazah:<br>- Dewan Sultan Mizan, UMT |
| 9 November 2018<br>(Jumaat) | 9.00 pagi - 12.00 tengah hari<br>2.30 petang – 5.30 petang |   |
| 10 November 2018<br>(Sabtu) | 9.00 pagi - 12.30 tengah hari<br>2.30 petang - 5.30 petang |   |

### Jadual Pemulangan Pakaian Akademik

| Tarikh  | Masa  | Tempat                  |
|---|---|-------------------------|
| 11 November 2018<br>(Ahad)  | 2.45 petang - 6.00 petang                                   | Dewan Sultan Mizan, UMT |
| 12 November 2018<br>(Isnin)   | 10.00 pagi – 12.00 tengah hari<br>2.45 petang - 6.00 petang |                         |
| 13 November 2018<br>(Selasa)  | 10.00 pagi – 12.00 tengah hari<br>2.45 petang – 6.00 petang |                         |
| 14 November 2018<br>(Rabu)  | 9.00 pagi - 12.30 tengah hari<br>2.30 petang - 4.30 petang  |                         |
| 15 November 2018<br>(Khamis)  | 9.00 pagi - 12.30 tengah hari<br>2.30 petang - 4.30 petang  |                         |
| 16 November 2018<br>(Jumaat)  | 9.00 pagi - 12.00 tengah hari<br>2.30 petang - 4.30 petang  |                         |
| 17 November 2018<br>(Sabtu)   | 9.00 pagi - 12.30 tengah hari<br>2.30 petang - 4.30 petang  |                         |
| <b>Bermula 18 November 2018<br/>denda pemulangan lewat akan dikenakan</b> |   |                         |

## **RAPTAI MAJLIS KONVOKESYEN**

- Sesi taklimat dan raptai Majlis Konvokesyen akan diadakan pada **10 November 2018 (Sabtu) jam 9.00 pagi** bertempat di **Dewan Sultan Mizan, UMT**.
- Graduan perlu menghadiri taklimat dan raptai ini bagi memahami acara yang akan dijalankan pada hari konvokesyen dengan lebih jelas.

## **PENGAMBILAN SKROL**

- Skrol boleh diambil hanya setelah set lengkap pakaian akademik dipulangkan dan semua hutang dengan UMT dijelaskan.
- Graduan yang berhutang dengan UMT hendaklah menunjukkan resit/surat pengesahan yang menyatakan hutang telah dijelaskan sebelum mendapatkan skrol.
- Graduan yang tidak menghadiri majlis konvokesyen boleh mengambil skrol selepas tarikh Majlis Konvokesyen tertakluk kepada Yuran Graduan dan Hutang Tertunggak Universiti yang telah dijelaskan.

## PAKEJ GAMBAR KONVOKESYEN

Kaunter tempahan pakej gambar konvokesyen bermula 8-10 November 2018 di Dewan Sultan Mizan, UMT. Maklumat pakej adalah seperti berikut :-

# JURUGAMBAR RASMI KONVOKESYEN

**PROSEDUR PENTING GAMBAR GRADUAN**

**Sebelum hari konvokesyen:**

1. Graduan dikehendaki untuk mendaftar gambar pentas di Kaunter Jurugambar Rasmi yang dibuka sepanjang tempoh pengambilan jubah.
2. Selepas mendaftar, sila simpan keipilan ini untuk rujukan.

**Semasa hari konvokesyen:**

1. 6 orang jurugambar profesional akan mengambil gambar dari pelbagai sudut ketika graduan berada di atas pentas.
2. Selepas turun dari pentas, graduan akan menerima: (i) slip rujukan gambar, dan (ii) borang alamat gambar.
3. Simpan slip rujukan gambar.
4. Lengkapkan borang alamat dan letakkan di atas kerusi sebelum meninggalkan dewan.

**Selepas hari konvokesyen:**

Kaunter Serahan Gambar Pentas:

**Gambar basic pentas siap 1 HARI selepas konvokesyen.**

**Masa:** 10am - 4pm  
**Tempat:** Kaunter Jurugambar Rasmi

Gambar yang tidak dituntut selepas pembelian akan diposkan dalam masa 3-6 minggu selepas konvokesyen. Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

INSA PHOTO ZOOM SDN BHD  
No 31, Jalan Asa 7, Taman Asa Jaya  
43000 Kajang, Selangor

019 - 409 4234 (whatsapp)  
013 - 486 6234 (phone)  
facebook.com/insaphotozoom  
sales@insaphoto.com

Untuk aduan, sila hubungi Pusat Pengurusan Teknologi Maklumat di talian 09-668 4301 atau emailkan ke noninoraikhah@umt.edu.my

NAMA: \_\_\_\_\_

H/P: \_\_\_\_\_ SIDANG: \_\_\_\_\_

KURSUS: \_\_\_\_\_

EMAIL: \_\_\_\_\_

**1. FULL SET (7 KPG)**  
(Tiada caj tambahan untuk pos)

**BASIC (MATTE PAPER)**



11R & 5R  
5R

**OPTIONAL**



6x10  
5R

**Basic**

RM35

**Full Set**

RM80

**2. TEXTURE**  
(Harga Biasa: RM38)

*Lindungi gambar anda:*  
- kesan calar  
- kesan air  
- kesan lekat pd cermin  
**LIFETIME WARRANTY**

RM30

**3. CUSTOM PRINT dgn Nama & Kursus**



11R Photo & Texture

RM40

**4. FRAME MONALISA**  
(Harga Biasa: RM60)



RM50

**5. FRAME LOGO**  
(Harga Biasa: RM120)



RM100

## GET THE WHOLE SET

### SPECIAL PACKAGE PROMOTION

**COMBO A**

FULL SET + TEXTURE  
+ CUSTOM PRINT + POS



RM **140** ONLY

~~RM 150~~  
- RM10

**COMBO B**

FULL SET + TEXTURE + CUSTOM PRINT  
+ FRAME MONALISA + POS



RM **180** ONLY

~~RM 200~~  
- RM20

Upgrade to Frame Logo: Add RM40

**BEST PRICE GUARANTEE**

## COMBO C



RM **260**

~~RM 300~~  
**- RM40**

FULL SET  
CUSTOM PRINT  
TEXTURE  
FRAME LOGO  
FRAME MONALISA  
POS

### Peringatan:

- *Jurugambar persendirian tidak dibenarkan memasuki Dewan Sultan Mizan.*
- *Graduan tidak dibenarkan 'selfie' semasa menerima ijazah di atas pentas.*

15